

18/08/2000

Zainal akur keputusan lantik MB

SHAH ALAM, Khamis - Timbalan Menteri Besar Selangor, Datuk Zainal Abidin Ahmad berkata beliau akur sebarang keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor walaupun sekiranya beliau tidak terpilih.

Katanya, beliau juga pasti setiap Exco kerajaan negeri dan seluruh rakyat Selangor akan menerima sesiapa juga yang bakal dipilih Perdana Menteri untuk menjadi Menteri Besar Selangor.

"Ia adalah hak Perdana Menteri (melantik MB), apa saja keputusannya saya akur," katanya selepas majlis pelancaran sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibar Jalur gemilang di sini, petang ini.

Beliau ditanya pemberita kemungkinan pelantikan Menteri Besar Selangor baru turut membabitkan pelantikan timbalan baru.

"Saya yakin semua Adun lain juga akan akur dengan kehendak parti, tidak kiralah siapa Menteri Besar yang dilantik," katanya.

Beliau juga memberi jaminan kelewatan kerajaan pusat melantik Menteri Besar baru tidak menjejaskan persiapan sambutan Hari kemerdekaan ke-43.

"Tanpa Menteri Besar pun, perjalanan sambutan tetap lancar seperti yang anda lihat. Buat masa ini, urusan kerajaan negeri diselia Setiausaha Kerajaan Negeri," katanya.

Setakat ini, katanya, persiapan sambutan itu sudah 60 peratus siap dan dijangka selesai sebelum sambutan bertemakan 'Keragaman Malaysia' diadakan pada 31 Ogos ini.

Dalam ucapannya, beliau meminta orang ramai mengibarkan jalur gemilang sempena sambutan Hari Hemerdekaan bagi memeriahkan sambutan itu selain menunjukkan rasa patriotik.

"Bendera adalah lambang kebebasan rakyat dan kemerdekaan sesuatu bangsa. Jalur Gemilang adalah identiti negera kita yang mesti kita kibarkan di pentas dunia," katanya.

(END)